

**SOALAN NO. : 54**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2017 (RABU)**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jabatan yang terbabit untuk mempercepatkan projek tebatan banjir di kawasan mukim Siong dan Bongor kerana banjir berlaku setiap tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan yang terbabit adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melaksanakan projek tebatan banjir di kawasan Mukim Siong dan Bongor. Dalam hal ini, peruntukan yang telah diluluskan bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Daerah Baling adalah sebanyak RM15 juta. Projek tersebut meliputi kawasan mukim Siong dan Bongor. Skop kerja yang terlibat adalah merangkumi kerja pembinaan ban, pengukuhan tebing, pengorekan sungai, pembinaan *drainage outlet* saliran dalaman dan juga pengambilan tanah. Pihak Kementerian ketika ini sedang dalam proses penyediaan rekabentuk terperinci dan projek ini dijangka akan ditender pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.